



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**KOMPOSISI LAGU KANAK-KANAK BAGI TUJUAN PENGAJARAN  
DAN PEMBELAJARAN SUKU KATA BAHASA MELAYU UNTUK  
PENDIDIKAN PRASEKOLAH**

**Jane Frances Piong**

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Muzik)  
2012**

**KOMPOSISI LAGU KANAK-KANAK BAGI TUJUAN PENGAJARAN  
DAN PEMBELAJARAN SUKU KATA BAHASA MELAYU UNTUK  
PENDIDIKAN PRASEKOLAH**

JANE FRANCES PIONG

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Muzik)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2012

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

**JUDUL : Komposisi Lagu Kanak-kanak bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran Suku Kata Bahasa Melayu untuk Pendidikan Prasekolah**

**SESI PENGAJIAN :2008-2012**

Saya **JANE FRANCES PIONG**

mengaku membenarkan tesis \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak.
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
5. \*Sila tandakan ( ✓ )

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan

TIDAK TERHAD

Disahkan

\_\_\_\_\_  
TANDATANGAN PENULIS

\_\_\_\_\_  
TANDATANGAN PENYELIA

Tarikh : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Alamat Tetap:  
Lot 100, Taman Ehsan,  
89057 Kudat,  
Sabah.

Catatan: \* Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda  
\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai TERHAD.

Projek bertajuk ‘**Komposisi Lagu Kanak-kanak bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran Suku Kata Bahasa Melayu untuk Pendidikan Prasekolah**’ telah disediakan oleh Jane Frances Piong dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Muzik**).

Diterima untuk diperiksa oleh :

---

Connie Lim Keh Nie

Tarikh :

---

---

Thia Sock Siang

Tarikh :

---

## **PENGAKUAN**

Penulis mengakui bahawa tidak terdapat bahagian penyelidikan, dihasilkan atau dilaporkan dalam tesis ini yang telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk suatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institusi pengajian tinggi lain.

---

(JANE FRANCES PIONG)

No. Matrik: 21104

## **PENGHARGAAN**

Pertama sekali, saya ingin bersyukur kepada Tuhan kerana bimbingan-Nya membawa saya ke Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan mendampingi saya melalui pelbagai cabaran sepanjang empat tahun ini. Tanpa kurniaan kekuatan, keyakinan, ketabahan dan kebijaksanaan daripada-Nya, saya tidak dapat menyiapkan Ijazah Sarjana Muda ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada keluarga saya terutama bapa saya, Eusebius Augustin Piong, dan ibu saya, Clotilda Sapati yang sentiasa berdoa, bertimbang rasa dan memberi kepercayaan serta sokongan sepenuhnya ke atas apa yang saya lakukan sepanjang pengajian saya di UNIMAS.

Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia projek tahun akhir saya yang arif dan bertanggungjawab, Puan Connie Lim Keh Nie dan Puan Thia Sock Siang, kerana beliau telah banyak menyumbangkan masa, tenaga, idea, cadangan, nasihat, motivasi, sokongan, dan bimbingan dalam projek ini.

Selain itu, ribuan terima kasih saya ingin ucapkan kepada semua pensyarah program muzik terutamanya Prof. Madya Dr. Hasnizam bin Abdul Wahid, selaku Dekan Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, pensyarah yang terlibat sama dalam mata kuliah 'Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir', Drs. Yoesbar Djaelani dan Cik Laura Pranti Tutom, dan Ketua Jabatan, Dr. Nur Afifah Vanitha Abdullah, serta bekas pensyarah program muzik, Puan Misato Yaku, yang sudi memberi nasihat dan teguran yang berharga kepada saya sebagai panduan bagi membaiki projek ini.

Sehubungan itu, saya turut ingin merakamkan penghargaan kepada Encik Lembad Anak Subit selaku juruteknik muzik, serta Puan Lily Lau dan Puan Juliyati Binti Bujang selaku Guru Tadika UNIMAS yang secara tidak langsung membantu menjayakan projek ini.

Pada masa yang sama, tanpa bantuan dan sokongan daripada rakan-rakan saya amat dihargai terutamanya Lorean Naya Balang, Ezra Alfandy M Duin, Dyana Tan, Lee Chuan Ming, Tan Yian Ni, Teow Xin Yee, Hor Yeen Theng, Hizkia Maran Bin Yohanis, Joanness Lanyun Anak Kandawang, Lau Seng Wei dan Cheong Michael Wai Kit, kajian ini tidak akan berjaya.

Akhirnya, saya ingin berterima kasih kepada ahli-ahli *Unimas Symphony Orchestra and Choir Society*, semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam projek ini. Semoga projek ini dapat memanfaatkan para mahasiswa-mahasiswa pada masa depan dan menjadi satu rujukan kepada sesiapa yang ingin meneruskan kajian ini dengan lebih lanjut.

## ISI KANDUNGAN

<b>Halaman Tajuk</b>	
<b>Borang Pengesahan Status Tesis</b>	
<b>Pengesahan dan Tandatangan Penyelia</b>	i
<b>Pengakuan Pelajar</b>	ii
<b>Penghargaan</b>	iii
<b>Isi Kandungan</b>	v
<b>Senarai Jadual</b>	ix
<b>Senarai Rajah</b>	x
<b>Senarai Gambar</b>	xii
<b>Abstrak</b>	xiii
<i>Abstract</i>	xiv
<b>1. BAB 1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Skop Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	2
1.4 Hipotesis	3
1.5 Objektif Kajian	3
1.6 Kepentingan Kajian	3
1.7 Kajian Literasi	4
1.7.1 Aspek Komposisi Lagu Kanak-kanak	4
1.7.2 Aspek Permainan dalam Pembelajaran dan Pengajaran	5
<b>2. BAB 2 METODOLOGI</b>	<b>6</b>
2.1 Pengenalan	6
2.2 Pemilihan Sampel	6
2.3 Pengumpulan Data	6
2.3.1 Kaedah Primer	6



2.3.1.1	Temubual	6
2.3.1.2	Pemerhatian	7
2.3.1.3	Fotografi	7
2.3.2	Kaedah Sekunder	7
<b>3.</b>	<b>BAB 3</b>	
	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>8</b>
3.1	Pengenalan	8
3.2	Analisis Muzik	8
3.2.1	Bentuk Lagu	8
3.2.1.1	<i>Strophic Form</i>	8
3.2.1.2	<i>Binary Form</i>	10
3.2.1.3	<i>Ternary Form</i>	11
3.2.2	Tanda Nada, Tanda Masa dan Tempo	11
3.2.3	Pic	12
3.2.4	<i>Counter melody</i>	15
3.3	Rentak Lagu	17
3.3.1	<i>Downbeat</i>	18
3.3.2	<i>Upbeat</i>	19
3.3.3	<i>Syncopation</i>	20
3.3.4	<i>On-beat</i> dan <i>Off-beat</i>	20
3.4	Harmoni Lagu	21
3.4.1	Penggunaan Kord	22
3.4.2	Gerak Kord dan Cadence	23
3.4.2.1	Gerak Kord dan <i>Cadence</i> Lagu “Kawan Saya”	23
3.4.2.2	Gerak Kord dan <i>Cadence</i> Lagu “Buah-buahan”	25
3.4.2.3	Gerak Kord dan <i>Cadence</i> Lagu “Hujan Turun”	26
3.4.2.4	Gerak Kord dan <i>Cadence</i> Lagu “Serangga Bahaya”	27
3.4.2.5	Gerak Kord dan <i>Cadence</i> Lagu “Bintang di Langit”	29
3.4.2.6	Gerak Kord dan <i>Cadence</i> Lagu “Warna”	31
3.4.2.7	Gerak Kord dan <i>Cadence</i> Lagu “Pekerjaan”	33
3.5	Melodi Lagu	35

3.5.1	Melodi Lagu “Kawan Saya”	35
3.5.2	Melodi Lagu “Buah-buahan”	36
3.5.3	Melodi Lagu “Hujan Turun”	38
3.5.4	Melodi Lagu “Serangga Bahaya”	40
3.5.5	Melodi Lagu “Bintang di Langit”	41
3.5.6	Melodi Lagu “Warna”	44
3.5.7	Melodi Lagu “Pekerjaan”	46
3.6	<i>Orchestration</i>	48
3.6.1	Penggunaan Alat-alat Muzik	48
3.7	Suku Kata Bahasa Melayu	54
3.8	Pendekatan Perisian	55
3.8.1	<i>Sibelius 6</i>	55
3.8.2	<i>Nuendo 3 dan 4</i>	56
<b>4</b>	<b>BAB 4 PERBINCANGAN</b>	<b>57</b>
4.1	Pengenalan	57
4.2	Analisis Data	57
4.2.1	Temubual dengan Puan Juliyati	57
4.2.1.1	Kriteria Pemilihan Lagu Kanak-kanak	57
4.2.1.2	<i>Content Analysis</i> – Lagu Kanak-kanak Tadika UNIMAS	58
4.2.1.3	Cara-cara Lain Pengajaran Suku Kata Bahasa Melayu	58
4.2.1.4	Tahap Keseronokan Murid-murid Tadika UNIMAS	59
4.2.1.5	Komen Mengenai Komposisi Lagu Kanak-kanak	59
4.2.2	Temubual dengan Encik Lee Koon Fat dan Encik Kee Tiong Hee	60
4.2.2.1	Komen Mengenai Komposisi Lagu Kanak-kanak	60
4.2.2.2	Pengeluaran dan Komersil ke Luar Pasaran	60
<b>5</b>	<b>BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>61</b>
5.1	Kesimpulan	61
5.2	Cadangan	61

<b>RUJUKAN</b>	63
<b>GLOSARI</b>	65
<b>LAMPIRAN A - SKOR MUZIK</b>	68
<b>LAMPIRAN B - LIRIK LAGU KANAK-KANAK</b>	102
<b>LAMPIRAN C - CARTA SUKU KATA BAHASA MELAYU</b>	105
<b>LAMPIRAN D - GAMBAR</b>	108
<b>LAMPIRAN E - PANEL CETUSAN INSPIRASI PELAJAR TAHUN AKHIR</b>	110
<b>LAMPIRAN F – RAKAMAN AUDIO DALAM BENTUK CD</b>	111
<b>LAMPIRAN G - DATA HASIL KARYA DALAM BENTUK DVD</b>	112

## SENARAI JADUAL

Jadual 1	Tanda Nada, Tanda Masa dan Tempo bagi Komposisi Lagu Kanak-kanak	12
Jadual 2	Penggunaan Kord dalam Komposisi Lagu Kanak-kanak	22
Jadual 3	Gerak Kord pada Lagu Pembukaan “Kawan Saya”	23
Jadual 4	Gerak Kord pada Rangkap 1 Lagu “Kawan Saya”	24
Jadual 5	Gerak Kord pada Lagu Pembukaan “Buah-buahan”	25
Jadual 6	Gerak Kord pada Rangkap 1 Lagu “Buah-buahan”	25
Jadual 7	Gerak Kord pada Lagu Pembukaan “Hujan Turun”	26
Jadual 8	Gerak Kord pada Rangkap 1 Lagu “Hujan Turun”	26
Jadual 9	Gerak Kord pada Rangkap 2 Lagu “Hujan Turun”	26
Jadual 10	Gerak Kord pada Lagu Pembukaan “Serangga Bahaya”	27
Jadual 11	Gerak Kord Pada Rangkap 1 Lagu “Serangga Bahaya”	27
Jadual 12	Gerak Kord Pada Rangkap 2 Lagu “Serangga Bahaya”	27
Jadual 13	Gerak Kord Pada Rangkap 2 (Tanda Pengulangan) Lagu “Serangga Bahaya”	28
Jadual 14	Gerak Kord pada Lagu Pembukaan “Bintang di Langit”	29
Jadual 15	Gerak Kord pada Rangkap 1 Lagu “Bintang di Langit”	29
Jadual 16	Gerak Kord pada Rangkap 1 (Tanda Pengulangan) Lagu “Bintang di Langit”	30
Jadual 17	Gerak Kord pada Rangkap 2 Lagu “Bintang di Langit”	30
Jadual 18	Gerak Kord pada Koda Lagu “Bintang di Langit”	30
Jadual 19	Gerak Kord pada Lagu Pembukaan “Warna”	31
Jadual 20	Gerak Kord pada Rangkap 1 Lagu “Warna”	31
Jadual 21	Gerak Kord pada <i>interlude</i> Lagu “Warna”	32
Jadual 22	Gerak Kord pada Lagu Pembukaan “Pekerjaan”	33
Jadual 23	Gerak Kord pada Rangkap 1 Lagu “Pekerjaan”	33
Jadual 24	Gerak Kord pada <i>Interlude</i> Lagu “Pekerjaan”	33
Jadual 25	Gerak Kord pada Rangkap 2 Lagu “Pekerjaan”	34
Jadual 26	Suku Kata Terbuka dan Suku Kata Tertutup yang Digunakan	54
Jadual 27	Senarai Lagu Kanak-kanak Bahasa Melayu di Tadika UNIMAS	58

## SENARAI RAJAH

Rajah 1	Jarak ( <i>Range</i> ) dan <i>Tessitura</i> bagi Suara Kanak-kanak Umur 6 hingga 7 Tahun	4
Rajah 2	Bentuk Lagu “Kawan Saya” dan “Buah-buahan”	8
Rajah 3	Bentuk Lagu “Hujan Turun”	9
Rajah 4	Bentuk Lagu “Warna”	9
Rajah 5	Bentuk Lagu “Serangga Bahaya”	10
Rajah 6	Bentuk Lagu “Pekerjaan”	10
Rajah 7	Bentuk Lagu “Bintang di Langit”	11
Rajah 8	Pic Tertinggi dan Terendah dalam Lagu “Kawan Saya”	13
Rajah 9	Pic Tertinggi dan Terendah dalam Lagu “Buah-buahan”	13
Rajah 10	Pic Tertinggi dan Terendah dalam Lagu “Hujan Turun”	13
Rajah 11	Pic Tertinggi dan Terendah dalam Lagu “Serangga Bahaya”	13
Rajah 12	Pic Tertinggi dan Terendah dalam Lagu “Bintang di Langit”	14
Rajah 13	Pic Tertinggi dan Terendah dalam Lagu “Warna”	14
Rajah 14	Pic Tertinggi dan Terendah dalam Lagu “Pekerjaan”	14
Rajah 15	<i>Counter-melody</i> Lagu “Kawan Saya”	15
Rajah 16	<i>Counter-melody</i> Lagu “Buah-buahan”	15
Rajah 17	<i>Counter-melody</i> Lagu “Hujan Turun”	16
Rajah 18	<i>Counter-melody</i> Lagu “Serangga Bahaya”	16
Rajah 19	<i>Counter-melody</i> Lagu “Bintang di Langit”	16
Rajah 20	<i>Counter-melody</i> Lagu “Warna”	17
Rajah 21	<i>Counter-melody</i> Lagu “Pekerjaan”	17
Rajah 22	Contoh <i>Downbeat</i> dalam Lagu “Kawan Saya”	18
Rajah 23	Contoh <i>Downbeat</i> dalam Lagu “Buah-buahan”	18
Rajah 24	Contoh <i>Downbeat</i> dalam Lagu “Serangga Bahaya”	18
Rajah 25	Contoh <i>Downbeat</i> dalam Lagu “Bintang di Langit”	19
Rajah 26	Contoh <i>Downbeat</i> dalam Lagu “Pekerjaan”	19
Rajah 27	Contoh <i>Upbeat</i> dalam Lagu “Hujan Turun”	19
Rajah 28	Contoh <i>Syncopation</i> dalam Lagu “Warna”	20

Rajah 29	Contoh <i>Off-beat</i> bagi Piano dalam Lagu Kanak-kanak	21
Rajah 30	Contoh <i>Off-beat</i> bagi <i>Snare Drum</i> (Drum Set) dalam Lagu Kanak-kanak	21
Rajah 31	Melodi Rangkap 1 Lagu “Kawan Saya”	35
Rajah 32	Melodi Rangkap Lagu 1 “Buah-buahan”	36
Rajah 33	Melodi Rangkap 2 Lagu “Buah-buahan”	37
Rajah 34	Melodi Rangkap 1 Lagu “Hujan Turun”	38
Rajah 35	Melodi Rangkap 2 Lagu “Hujan Turun”	39
Rajah 36	Melodi Rangkap 1 Lagu “Serangga Bahaya”	40
Rajah 37	Melodi Rangkap 2 Lagu “Serangga Bahaya”	40
Rajah 38	Melodi Rangkap 1 Lagu “Bintang di Langit”	41
Rajah 39	Melodi Rangkap 3 Lagu “Bintang di Langit”	42
Rajah 40	Melodi Rangkap 2 Lagu “Bintang di Langit”	43
Rajah 41	Melodi Rangkap 1 Lagu “Warna”	44
Rajah 42	Melodi Rangkap 2 Lagu “Warna”	45
Rajah 43	Melodi Rangkap 3 Lagu “Warna”	45
Rajah 44	Melodi Rangkap 1 Lagu “Pekerjaan”	46
Rajah 45	Melodi Rangkap 2 Lagu “Pekerjaan”	47
Rajah 46	Melodi Rangkap 3 Lagu “Pekerjaan”	47
Rajah 47	Senarai Alat Muzik yang digunakan dalam Lagu “Kawan Saya”	49
Rajah 48	Senarai Alat Muzik yang digunakan dalam Lagu “Buah-buahan”	49
Rajah 49	Senarai Alat Muzik yang digunakan dalam Lagu “Hujan Turun”	50
Rajah 50	Senarai Alat Muzik yang digunakan dalam Lagu “Serangga Bahaya”	50
Rajah 51	Senarai Alat Muzik yang digunakan dalam Lagu “Bintang di Langit”	51
Rajah 52	Senarai Alat Muzik yang digunakan dalam Lagu “Warna”	52
Rajah 53	Senarai Alat Muzik yang digunakan dalam Lagu “Pekerjaan”	53

## SENARAI GAMBAR

Gambar 1	Skor Lagu Kanak-kanak dalam Sibelius 6	108
Gambar 2	Pemprosesan Lagu Kanak-kanak dalam <i>Nuendo 4</i>	108
Gambar 3	Pengkaji dengan Puan Juliyati Binti Bujang	109
Gambar 4	Sesi Temubual bersama Puan Juliyati Binti Bujang	109

## **ABSTRAK**

Komposisi merujuk kepada nota-nota muzik yang digabungkan untuk menjadi sebuah lagu. Sebagai hasil kajian, komposisi lagu kanak-kanak Bahasa Melayu yang baru akan dihasilkan bagi tujuan pengajaran suku kata Bahasa Melayu kepada murid-murid prasekolah. Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan penguasaan suku kata Bahasa Melayu dari segi keyakinan dalam berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu di kalangan murid-murid prasekolah. Pengkaji akan menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian untuk mengkaji keberkesanan lagu dalam membantu kanak-kanak prasekolah untuk bertutur dalam Bahasa Melayu dengan betul dan yakin.



## ***ABSTRACT***

*Composition refers to the combination of music notes to make a piece of song. As for the research outcome, new children songs composition in Malay Language will be produce for the purpose of teaching Malay Language syllables to preschool students. This research is to increase the mastery of Malay Language syllables in terms of confidence in communicate using Malay Language among preschool students. Researcher will use interview and observation methods to study the effectiveness of the song in helping the preschoolers to speak in Malay Language correctly and with confidence.*

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1. Pengenalan

Menurut Hornby (2010) dalam *Oxford Advanced Learner's Dictionary*, suku kata merupakan suatu perkataan yang mengandungi satu huruf vokal dan biasanya satu atau lebih huruf konsonan. Komposisi merupakan satu seni menulis muzik. Lagu didefinisikan sebagai sebuah lagu pendek dengan perkataan-perkataan yang dinyanyikan. Menyanyi merupakan satu aktiviti mencipta bunyi muzik dengan suara. Kanak-kanak pula adalah manusia yang muda dan belum lagi mencapai tahap dewasa. Dalam kajian yang dijalankan ini, bahasa Melayu merupakan bahasa pertama kepada subjek kajian. Bahasa pertama didefinisikan sebagai bahasa yang dipelajari sejak dari lahir ataupun dalam tempoh kritikal (Bloomfield, 2005).

Melalui nyanyian lagu kanak-kanak, kanak-kanak mampu mengingati sesuatu perkara dengan lebih cepat jika dibandingkan dengan membaca. Pernyataan ini disokong oleh Bredekamp dan Copple (1997) yang menyatakan bahawa melalui nyanyian lagu kanak-kanak sememangnya mampu membantu kanak-kanak dalam menguasai bahasa pertama dan juga bahasa kedua. Hubungan antara bahasa, pertuturan dan nyanyian tidak dapat dinafikan kerana kanak-kanak dapat menambahkan perbendaharaan kata serta dapat memahami setiap perkataan baharu yang dipelajari mereka apabila mereka mempelajari lagu baharu (Campbell & Scott-Kassner, 1995). Krogh (1995) turut mengatakan bahawa aktiviti nyanyian lagu dengan sebutan suku kata yang betul secara berulang-ulang mampu membantu kanak-kanak

menggunakan bahasa dengan suku kata yang betul pada masa akan datang.

## **1.2. Skop Kajian**

Kajian ini akan mengaitkan aspek pembelajaran suku kata Bahasa Melayu dan aspek muzik untuk menghasilkan lagu kanak-kanak dalam Bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini hanya meliputi kanak-kanak di Prasekolah dalam lingkungan umur 4 hingga 6 tahun.

## **1.3. Permasalahan Kajian**

Menurut Dr. Hasnah Toran, salah seorang Pensyarah Kanan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), yang dipetik daripada sumber akhbar Berita Harian Online, tadika atau tabika memfokuskan amalan pengajaran dan pembelajaran membaca dengan menggunakan pendekatan “cepat membaca” dan bukannya “cinta membaca”. Selain itu, terdapat penggunaan buku yang tidak kreatif dan tidak imaginatif, malah penggunaan ayat yang tidak diterima akal kanak-kanak serta tidak menyeronokkan. Dr. Hasnah berkata, "Jangan salahkan kanak-kanak jika mereka cepat jemu. Orang dewasa juga boleh jemu, apatah lagi kanak-kanak yang dihadapkan dengan buku berkenaan sebulan dan mungkin setahun. Melalui pendekatan itu kanak-kanak belajar membaca dalam situasi membosankan dan hanya membaca apabila dipaksa”.

Berdasarkan pernyataan di atas, ia dapat dibuktikan bahawa pembelajaran melalui buku di prasekolah tidak mampu menarik minat kanak-kanak kerana merasa bosan.

#### **1.4. Hipotesis**

Menurut Nurul Huda Nordin (2009), “Kajian terbaru membuktikan bahawa muzik boleh memantapkan perkembangan bahasa, hubungan bunyi-perkataan, keupayaan matematik kanak-kanak dan sesetengahnya meningkatkan keupayaan intelektual kanak-kanak”. Nani Menon (2005) turut mengatakan bahawa aktiviti nyanyian lagu kanak-kanak merupakan satu aktiviti yang menyeronokkan bagi kanak-kanak.

Kesimpulan daripada perbincangan di atas, pengkaji memberi tanggapan awal bahawa komposisi lagu kanak-kanak sesuai digunakan dalam meningkatkan kemahiran penggunaan suku kata Bahasa Melayu melalui nyanyian, serta menimbulkan rasa seronok dalam kalangan kanak-kanak Prasekolah.

#### **1.5. Objektif Kajian**

Kajian ini mengemukakan 4 objektif seperti berikut :

1. Memantapkan penguasaan suku kata Bahasa Melayu murid-murid Prasekolah.
2. Meninjau kesesuaian penggunaan komposisi lagu kanak-kanak dalam meningkatkan penguasaan suku kata Bahasa Melayu kanak-kanak Prasekolah.
3. Meninjau minat kanak-kanak dalam sesi pembelajaran suku kata Bahasa Melayu melalui nyanyian lagu kanak-kanak.
4. Mengkaji potensi komposisi lagu kanak-kanak untuk dikeluarkan serta dikomersilkan di pasaran tempatan.

#### **1.6. Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting kerana ia menjurus kepada pengajaran suku kata Bahasa


Melayu dengan efektif. Oleh itu, melalui kajian ini, ia dapat membuktikan bahawa pengajaran suku kata Bahasa Melayu dengan cara menyanyikan lagu kanak-kanak dapat memantapkan sebutan Bahasa Melayu kanak-kanak, seterusnya menimbulkan suasana yang menyeronokkan semasa sesi pembelajaran.

## 1.7. Kajian Literasi

### 1.7.1. Aspek Komposisi Lagu Kanak-kanak

Menurut Nani Menon (2005), seorang guru di Makmal Perkembangan Kanak-kanak Universiti Putra Malaysia berpendapat bahawa ciri-ciri seperti lirik yang tidak terlalu panjang atau terlalu pendek tetapi sederhana, lirik atau perkataan yang berulang dan senang diingati, ayat-ayat yang senang untuk difahami, serta melodi yang menarik perlulah ada dalam sesebuah lagu kanak-kanak yang dipilih.

Selain itu, kanak-kanak sangat gemar dalam mengkaji bunyi-bunyi yang baru bagi mereka dengan adanya mendengar lagu-lagu yang berbeza (Isbell & Raines, 2007). Oleh itu, komposisi lagu kanak-kanak Bahasa Melayu yang menerapkan pelbagai jenis alat muzik serta melodi yang menarik dapat menarik minat kanak-kanak dalam mendengar lagu kanak-kanak tersebut.



Rajah 1

Jarak (*Range*) dan *Tessitura* bagi Suara Kanak-kanak Umur 6 hingga 7 Tahun

Pic merupakan perbandingan ketinggian atau kerendahan dalam sesuatu bunyi

(Kamien, 2008). Menurut Phillips (1996), jarak pic bagi suara kanak-kanak adalah not C1 hingga C2. Dalam lingkungan jarak tersebut, jarak pic yang paling selesa serta bunyi yang paling baik yang boleh dihasilkan oleh kanak-kanak, ataupun *tessitura*, adalah not D1 hingga A1. Rajah-rajah berikut merupakan jarak pic tertinggi dan terendah bagi komposisi-komposisi lagu kanak-kanak.

### **1.7.2. Aspek Permainan dalam Pembelajaran dan Pengajaran**

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2003) dalam Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, “Belajar melalui bermain adalah pendekatan yang terancang dan berstruktur bagi memberi peluang kepada murid belajar dalam suasana yang mengembirakan dan bermakna. Pendekatan belajar melalui bermain diberi penekanan khusus dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana bermain adalah fitrah kanak-kanak. Melalui bermain mereka gembira dan senang hati membuat penerokaan, penemuan pembinaan melalui pengalaman langsung secara semula jadi.”

Menurut Rohani Abdullah, Nani Menon & Mohd Sharani Ahmad (2007), Froebel (1782-1852) memulakan program *kindergarten* yang pertama di Jerman berasaskan konsep “bermain sambil belajar” untuk kanak-kanak berumur 4 hingga 5 tahun. Bermain merupakan satu proses pembelajaran yang paling berkesan dan aktiviti yang seronok bagi kanak-kanak. Oleh itu, secara tidak langsung, kanak-kanak dapat meningkatkan kemahiran dengan bermain.

## **BAB 2**

### **METODOLOGI**

#### **2.1. Pengenalan**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam menguji keberkesanan komposisi lagu kanak-kanak sebagai alat pengajaran dan pembelajaran suku kata Bahasa Melayu untuk pendidikan Prasekolah.

#### **2.2. Pemilihan Sampel**

Pengkaji telah memilih dan menetapkan sampel iaitu 3 orang kanak-kanak tidak mengira lelaki ataupun perempuan daripada Tadika UNIMAS dalam lingkungan usia 4 hingga 6 tahun dengan menggunakan *purposive sampling*, iaitu sampel yang ditentukan oleh pengkaji dan guru tadika demi untuk mencapai objektif kajian (Kumar, 2005). Sampel-sampel diuji untuk mengukur tahap keseronokan dan minat kanak-kanak dalam sesi pembelajaran suku kata Bahasa Melayu.

#### **2.3. Pengumpulan Data**

##### **2.3.1. Kaedah Primer**

##### **2.3.1.1. Temubual**

Pengkaji akan menjalankan sesi temubual dengan guru daripada Tadika UNIMAS sebelum dan selepas menjalankan eksperimen terhadap kajian ini, serta setelah komposisi lagu kanak-kanak didengari oleh guru-guru tadika.

### **2.3.1.2.Pemerhatian**

Untuk menjalankan pemerhatian keatas kajian ini, pengkaji akan menggunakan *non-participant observation*, iaitu memerhati, mengikut, serta merekodkan sepanjang aktiviti yang dijalankan tanpa melibatkan diri sendiri (Kumar, 2005).

### **2.3.1.3.Fotografi**

Pengkaji menggunakan kaedah fotografi dalam menangkap gambar-gambar untuk tujuan mengumpul bukti semasa proses pengumpulan data primer seperti temubual dan pemerhatian.

### **2.3.2. Kaedah Sekunder**

Pengkaji menggunakan kaedah sekunder dalam mendapatkan data-data mengenai aspek-aspek muzik dalam sesebuah komposisi seperti buku-buku rujukan, kamus dan internet. Selain itu, cakera padat lagu kanak-kanak daripada luar negara juga turut digunakan sebagai rujukan dalam menghasilkan sebuah komposisi yang mendorong kanak-kanak dalam memantapkan suku kata Bahasa Melayu, serta untuk menarik perhatian kanak-kanak dalam sesi pengajaran dan pembelajaran suku kata Bahasa Melayu di tadika.

Pengkaji turut mendapatkan data daripada sebuah permainan *flash card* daripada “Suku Kata Berwarna-warni” untuk mempelajari suku kata Bahasa Melayu. Dalam permainan tersebut, terdapat carta suku kata Bahasa Melayu yang memfokuskan kepada suku kata terbuka seperti “a”, “e”, “i”, “o” dan “u”, serta suku kata tertutup seperti “n”, “k”, “m”, “r”, “s”, “l”, “h”, “t” dan “ng”.